

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATO' ABDUL FATTAH HJ ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**LAB PEMANTAPAN KONSORTIUM KOPERASI
TANAMAN PADI NEGERI KEDAH & NEGERI PERLIS**

**16-18 September 2016
My Angkasa Akademi & Resort Langkawi**

Bismillahirahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'alla Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Koperasi

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI DISEDIAKAN PENGACARA MAJLIS)

Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian.

1. Marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana memberi peluang kepada kita, untuk duduk bersama-sama bagi **Memantapkan Konsortium Koperasi Tanaman Padi Negeri Kedah dan Perak** pada hari yang berbahagia ini.

2. Dalam kesempatan ini, saya mengalu-alukan kehadiran semua peserta ke majlis ini. Saya mengharapkan lab ini dapat menghasilkan sesuatu yang lebih bermanfaat dalam usaha memajukan penanaman-penanam padi di negeri Kedah dan Perlis melalui konsortium ini. Sebagai badan puncak gerakan koperasi di negara ini, ANGKASA akan sentiasa mencari jalan untuk menjayakan setiap fungsi koperasi dalam setiap sektor yang diceburi termasuklah sektor pertanian selaras dengan Dasar Koperasi Negara.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

3. Konsortium Koperasi Tanaman Padi telah ditubuhkan oleh ANGKASA di dua buah negeri iaitu Kedah dan Perlis. Kedua-dua konsortium ini telah didaftarkan secara sah oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada bulan Ogos 2011. Sekarang ini, Konsortium Koperasi Tanaman Padi Kedah Berhad dianggotai oleh 8 buah koperasi manakala Konsortium Koperasi Tanaman Padi Perlis Berhad oleh 10 buah koperasi.

4. Setelah beroperasi dan menjalankan aktiviti melebihi lima tahun adalah dirasakan perlu, satu pendekatan baharu diolah semula untuk menjamin kelangsungan projek Konsortium Koperasi ini. Lab ini juga, pada akhirnya akan menjadi *blueprint* untuk

kedua-dua konsortium menentukan hala tuju seterusnya, berdasarkan baki jumlah Peruntukan RM 1 juta melalui perikatan perjanjian Al Qardhul Hasan.

5. Objektif utama lab pengukuhan konsortium ini bertujuan untuk Merangka dan menyediakan *blueprint* Konsortium Koperasi untuk tempoh lima tahun (2017-2021). Menilai semula projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan konsortium sebelum ini, bagi merangka dan mengenal pasti aktiviti-aktiviti baru yang akan dijalankan berdasarkan baki peruntukan Al-Qad'rul Hasan yang belum digunakan. Menyusun semula bayaran balik pendahuluan kepada pihak ANGKASA dan menimbang cadangan-cadangan daripada pihak Bahagian Pembangunan Strategik dan Bahagian Audit dan Risiko ANGKASA.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

6. Sektor pertanian sangat penting kepada sesebuah negara bukan sahaja dalam menjaga keselamatan makanan tetapi sektor ini mampu menjana ekonomi sesebuah negara. Oleh sebab itulah, kerajaan memberi fokus yang besar kepada bidang ini menerusi beberapa siri Dasar Pertanian Negara (DPN). Misalnya DPN Pertama (1984 -1991) memberi penekanan kepada pengembangan tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan koko. DPN Kedua (1992 -1998) ke arah peningkatan nilai tambah dalam produk pertanian dan

memajukan industri asas tani manakala DPN Ketiga berfokuskan untuk meningkatkan sekuriti makanan negara dan meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian. Dalam NKEA, pertanian disenaraikan antara 16 projek yang perlu ditransformasikan dan dijayakan negara.

7. Bagi membantu koperasi-koperasi tanaman padi di negeri Perlis dan Kedah, melalui Konsortium ANGKASA telah memperuntukan RM 1 juta bagi setiap negeri. Bagi negeri Perlis sebanyaknya **RM 651,739** telah digunakan manakala Kedah **RM 870,463**. Penggunaan tertumpu untuk kos operasi, bayaran sewa pajakan tanah, pembelian jentera dan permohonan lesen pemborongan beras.

8. **Prestasi bayaran balik Konsortium Koperasi Tanaman Padi Perlis Berhad kepada ANGKASA sehingga 2015 berjumlah RM230,749 manakala Konsortium Koperasi Penanam Padi Kedah Berhad telah membayar sebanyak RM165,000.** Baki yang ada perlu dirancang untuk penggunaan yang berfaedah dan mendatangkan pendapatan untuk konsortium.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

9. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, **sehingga 31 Disember 2016**

terdapat 2,142 buah koperasi yang terlibat dalam sektor pertanian yang menyumbang keuntungan sebanyak RM134.38 juta. Kebanyakan koperasi ini adalah koperasi kecil dan sederhana yang memerlukan sokongan semua pihak bagi meningkatkan produktiviti dan sumbangan mereka kepada anggota-anggota, koperasi, masyarakat dan ekonomi negara.

10. Untuk itulah, ANGKASA mengambil pendekatan mewujudkan 2 konsortium ini didua buah negeri di utara Malaysia yang 80 peratusnya masyarakat dan tanahnya terlibat dan digunakan untuk sektor pertanian. ANGKASA percaya aktiviti ini mampu memberi pulangan yang baik kepada semua pihak yang terlibat. Tambahan pula sektor pertanian menjadi penyumbang utama kepada bekalan makanan negara yang sentiasa mendapat permintaan tinggi.

11. Kedua-dua konsortium ini telah berjaya mengabungkan 18 buah koperasi asas dan telah memberi manfaat kepada 611 orang petani melalui pembiayaan Program Rakan Ladang yang diwujudkan. Bagi membantu penternak ikan menambahkan lagi hasil peternakan bagi memenuhi permintaan yang tinggi, ANGKASA telah mewujudkan Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Negeri Pahang.

12. Koperasi memainkan peranan besar dalam sektor pertanian dalam mengurangkan kebergantungan petani

kepada orang tengah. Dengan modal yang besar koperasi dapat menceburi bidang pertanian yang berskala besar. Berbanding dengan individu yang mungkin mempunyai modal dan kepakaran yang terhad. Melalui koperasi lebih ramai dapat merasai manfaat dari sektor pertanian.

13. Adalah menjadi harapan gerakan koperasi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menggunakan sektor koperasi sebagai medium bagi mengerakkan NKEA pertanian negara dan sekaligus menjayakan 16 projek (entry point project) (EPP) yang telah disenaraikan dalam NKEA Pertanian negara. Koperasi-koperasi yang telibat dalam sektor pertanian boleh digabungkan bagi mewujudkan gabungan koperasi (Koperasi Kelas Menengah) untuk menyelesaikan pelbagai isu / masalah dalam koperasi berkaitan sektor pertanian. Koperasi-koperasi diberi ruang untuk bersaing secara sihat bagi mendapatkan kontrak atau peluang perniagaan daripada Kementerian.

14. Saya mengharapkan ALK Konsortium mempunyai matlamat dan jelas tentang perjalanan dan aktiviti yang yang sedang dan akan dijalankan. Semoga Konsortium Koperasi Tanaman Padi menjadi satu model yang boleh dibanggakan di peringkat nasional dan menjadi tanda aras kepada penubuhan konsortium koperasi yang lain. Pihak pegawai kementerian dapat memberi ruang kepada koperasi yang berada di bawah agensi

Kementerian untuk bersama-sama bersaing mendapatkan dan melihat koperasi satu medium yang telus dan tidak mempunyai kepentingan individu dalam menyalurkan projek / kontrak Kementerian.

15. Akhir kata, saya dengan lafaz suci-Bismillahirrahmanirrahim merasmikan **Penutupan Lab Pemantapan Konsortium Koperasi Tanaman Padi Negeri Kedah dan Negeri Perlis** pada kali ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.